



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***HUBUNGAN KESEDARAN METAKOGNITIF, PENGLIBATAN  
PEMBELAJARAN DAN GAYA PEMBELAJARAN TERHADAP TAHAP  
PEMIKIRAN REFLEKTIF PELAJAR PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN  
VOKASIONAL***

***NIK HANIS ZURAIHAN RAHIMI***

**FPP 2015 64**



**HUBUNGAN KESEDARAN METAKOGNITIF, PENGLIBATAN  
PEMBELAJARAN DAN GAYA PEMBELAJARAN TERHADAP TAHAP  
PEMIKIRAN REFLEKTIF PELAJAR PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN  
VOKASIONAL**

Oleh

**NIK HANIS ZURAIHAN RAHIMI**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains.**

**Januari 2015**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia ini adalah sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**HUBUNGAN KESEDARAN METAKOGNITIF, PENGLIBATAN  
PEMBELAJARAN DAN GAYA PEMBELAJARAN TERHADAP TAHAP  
PEMIKIRAN REFLEKTIF PELAJAR PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN  
VOKASIONAL**

Oleh

**NIK HANIS ZURAIHAN BINTI RAHIMI**

**Januari 2015**

**Pengerusi : Abdullah Mat Rashid, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Elemen pembangunan pendidikan di Malaysia sering melibatkan kemahiran berfikir. Pemikiran reflektif merupakan salah satu cabang kemahiran berfikir yang diyakini berupaya mengurangkan jurang antara teori dan praktis dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemikiran reflektif dan hubungannya dengan pemboleh ubah kesedaran metakognitif, penglibatan pembelajaran dan gaya pembelajaran. Penyelidik menggunakan reka bentuk kajian korelasi dengan instrumen soal selidik. Responden kajian terdiri daripada 195 orang pelajar tahun akhir yang mengikuti program pengajian sarjana muda PTV. Data dianalisis menggunakan bantuan program perisian SPSS.

Dapatan kajian menunjukkan pelajar mempunyai tahap pemikiran reflektif yang tinggi. Pelajar memperoleh skor min yang tinggi dalam konstruk pemahaman, ( $M = 4.12$ ,  $SP = .41$ ) berbanding konstruk pemikiran reflektif yang lain iaitu tindakan lazim ( $M = 3.71$ ,  $SP = .63$ ), refleksi ( $M = 4.09$ ,  $SP = .43$ ), dan refleksi kritikal ( $M = 4.00$ ,  $SP = .48$ ). Manakala, analisis terhadap hubungan antara pemboleh ubah kesedaran metakognitif, penglibatan pembelajaran dan pendekatan gaya pembelajaran menunjukkan aras signifikan yang tinggi dan membuktikan memberi pengaruh positif kepada pemboleh ubah tahap pemikiran reflektif.

Hasil kajian ini menunjukkan pelajar dalam bidang PTV telah mencapai suatu tahap pemikiran reflektif yang memuaskan dalam pembelajaran mereka. Namun, dapatan kajian menyatakan pemikiran reflektif kritikal sukar dicapai oleh kebanyakan pelajar. Justeru, pelajar perlu sentiasa dilatih dan melalui proses bimbingan untuk memperoleh kemahiran berfikir secara reflektif kritikal. Daripada dapatan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan untuk kajian lanjutan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master Science.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN METACOGNITIVE AWARENESS,  
INVOLVEMENT AND LEARNING STYLE TOWARDS THE LEVEL OF  
REFLECTIVE THINKING AMONG STUDENTS OF TECHNICAL AND  
VOCATIONAL EDUCATION**

By

**NIK HANIS ZURAIHAN BT RAHIMI**

**January 2015**

**Chairman : Abdullah Mat Rashid, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

Elements of educational development in Malaysia often involve thinking skills. Reflective thinking is one branch of thinking skills that are believed to be able to reduce the gap between theory and practice in teaching and learning Technical and Vocational Education (TVE). This study is aimed to identify the level of reflective thinking and its relationship with other variables such as metacognitive awareness, involvement, and learning style. The researcher was using correlational study design with questionnaire instrument. The respondents consist of 195 final year students who were undergoing the TVE's degree. Data analysis was carried out using the SPSS software.

Findings from the study showed that students have high reflective thinking. Students obtained high mean scores in the construct of comprehension ( $M = 4.12$ ,  $SP = .41$ ) compared to other reflective thinking constructs such as understanding ( $M = 3.71$ ,  $SD = .63$ ), reflective ( $M = 4.09$ ,  $SD = .43$ ), and critical reflective ( $M = 4.00$ ,  $SD = .48$ ). Meanwhile, an analysis of the relationship between variables of metacognitive awareness, involvement and learning styles showed high level of significant and prove a positive effect on the level of reflective thinking.

The results of this study indicated that students in the field of TVE have reached a satisfactory level of reflective thinking in their learning. However, the findings represent a critical reflective thinking unreachabe by most students. Therefore, students should always be trained and through the guidance process to obtain critical reflective thinking skills. From the findings of this study, a few suggestions have been brought forth for future research.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t, di atas limpah kurnia dan izinNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Ribuan terima kasih kepada setiap individu yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan khusus kepada penyelia iaitu Prof. Madya Dr. Abdullah Mat Rashid di atas bimbingan yang telah diberikan bagi menyiapkan kajian ini. Seterusnya ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Prof. Madya Datin Dr. Ramlah Hamzah di atas sokongan yang diberikan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak kementerian, universiti, pensyarah, kakitangan dan guru-guru yang telah memberi bantuan dan menyokong kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu-bapa saya, Rahimi Ibrahim dan Nik Rosnimi Othman, adik beradik, Nik Hanis Hani Rahimi, Nik Muhammad Hilmi Rahimi, Nik Muhammad Hazwan Rahimi dan semua ahli keluarga di atas kesabaran, sokongan dan doa yang dicurahkan.

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan, Zuraini Jusoh, Maizatul Mardiana Harun, Amalina Ibrahim, Zarien Nurlieyana Aminuddin, Nurul Hikmah Zameli dan semua rakan pembantu penyelidik, Fakulti Pengajian Pendidikan. Semoga segala budi baik yang diberikan akan dibalas oleh Allah s.w.t dengan sebaik-baik ganjaran. Semoga kejayaan ini juga memberi inspirasi untuk lebih gigih dalam setiap perjuangan.

## PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 20 Januari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nik Hanis Zuraihan binti Rahimi bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungan Kesedaran Metakognitif, Penglibatan Pembelajaran dan Gaya Pembelajaran terhadap Tahap Pemikiran Reflektif Pelajar Pendidikan Teknikal dan Vokasional” mengikut Akta Universiti 1971 dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1988. Jawatankuasa tersebut telah memperakui bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Zoharah Omar, PhD**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Aminuddin Hassan, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Widad Othman, PhD**  
Profesor  
Open University Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 17 Jun 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Abdullah Mat Rashid, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ramlah Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## PERAKUAN

### Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap perkataan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik dan hak cipta tesis ini adalah hak mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: **Nik Hanis Zuraihan Rahimi GS30605**

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: **Abdullah Mat Rashid, PhD**

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: **Ramlah Hamzah, PhD**

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	5
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Limitasi Kajian	6
1.8	Definisi Operasional	7
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	9
2.2	Konsep Pemikiran Reflektif	9
2.2.1	Kajian lepas berkaitan pemikiran reflektif	11
2.2.2	Pendidikan Teknikal dan Vokasional	12
2.3	Kesedaran Metakognitif	14
2.4	Gaya Pembelajaran	16
2.5	Penglibatan Pembelajaran	18
2.6	Model dan Kerangka Kajian Pemikiran Reflektif	19
2.6.1	Model Pemikiran Reflektif dalam Proses Pembelajaran Guru Pelatih	19
2.6.2	Model Reflektif James Wallace	20
2.6.3	Kerangka Kajian Berkaitan Pemikiran Reflektif	20
2.7	Kerangka Teoritikal Kajian	23
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	27
3.4	Lokasi Kajian	28
3.5	Instrumen Kajian	28
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	31

3.7	Kajian Rintis	31
3.8	Prosedur Kajian	32
3.9	Analisis Data Kajian	32
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	35
4.2	Rumusan Kajian	35
4.3	Latar Belakang Responden	35
4.4	Dapatan Kajian	37
4.4.1	Objektif kajian 1	37
4.4.2	Objektif kajian 2	44
4.4.3	Objektif kajian 3	45
4.4.4	Objektif kajian 4	46
4.4.5	Objektif kajian 5	46
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, IMPLIKASI, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN</b>	
5.1	Pengenalan	
5.2	Rumusan Kajian	49
5.3	Perbincangan	49
5.3.1	Objektif kajian 1	49
5.3.2	Objektif kajian 2	50
5.3.3	Objektif kajian 3	51
5.3.4	Objektif kajian 4	51
5.3.5	Objektif kajian 5	51
5.4	Implikasi Kajian	52
5.5	Kesimpulan	52
5.6	Cadangan Kajian	53
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	54
	<b>RUJUKAN</b>	55
	<b>LAMPIRAN</b>	65
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	85

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Ringkasan Konsep dan Proses Pemikiran Reflektif	10
3.1	Senarai Institusi Pengajian Tinggi Awam yang Menawarkan Program Pengajian Pendidikan Teknikal dan Vokasional	28
3.2	Bilangan Item dan Sumber Soal Selidik	30
3.3	Pembahagian Item Mengikut Pemboleh Ubah	30
3.4	Nilai Pekali <i>Cronbach Alpha</i> bagi Setiap Pemboleh Ubah	32
3.5	Tafsiran Skala Skor Min	33
3.6	Ringkasan Analisis Statistik Kajian	34
4.1	Taburan Responden Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina	36
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	36
4.3	Taburan Responden yang Menjalani Latihan Mengajar	37
4.4	Pendekatan Gaya Pembelajaran Pelajar	37
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Item Pendekatan Mendalam	38
4.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Item Pendekatan Strategik	39
4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Item Pendekatan Permukaan	39
4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Kesedaran Metakognitif	40
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Item Kognisi Pengetahuan	40
4.10	Skor Item dan Sisihan Piawai bagi Kognisi Pengaturan	41
4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai Item Penglibatan dalam Pembelajaran	42
4.12	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Pemikiran Reflektif	43
4.13	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item Tindakan Lazim	43
4.14	Skor Item dan Sisihan Piawai bagi Item Pemahaman	43
4.15	Skor Item dan Sisihan Piawai Bagi Item Refleksi	44
4.16	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Item Refleksi Kritikal	44
4.17	Korelasi Antara Pendekatan Gaya Pembelajaran Dengan Tahap Pemikiran Reflektif	45
4.18	Korelasi Antara Pemboleh Ubah Kesedaran Metakognitif dan Tahap Pemikiran Reflektif	46
4.19	Korelasi Antara Penglibatan dan Tahap Pemikiran Reflektif	46
4.20	Ringkasan Analisis Simultaneous Multiple Regression bagi Pendekatan Gaya Belajar, Kesedaran Metakognitif, dan Penglibatan Meramal Tahap Pemikiran Reflektif	48

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Model reflektif	19
2.2	Model reflektif James Wallace	20
2.3	Kerangka kajian Lilia et al., (2010)	21
2.4	Kerangka kajian Kim (2005)	22
2.5	Kerangka konseptual kajian	23



## SENARAI SINGKATAN

PTV	Pendidikan Teknikal dan Vokasional
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn
ILO	International Labour Organization
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pemikiran reflektif merupakan salah satu cabang kemahiran berfikir dan sering juga dirujuk sebagai pemikiran kritis (Bruning, Schraw, Norby & Ronning, 2004). Ia melibatkan kemahiran berfikir seperti mentafsir maklumat, membuat kesimpulan, menilai, menganalisis, kreatif dan aktiviti metakognitif. Malah menurut Phan (2010), pemikiran kritis adalah satu proses refleksi yang kompleks yang membantu individu menjadi lebih analitikal dalam pemikiran dan pembangunan profesional.

Kemahiran berfikir merupakan elemen penting dalam transformasi sistem pendidikan di Malaysia. Penyelidikan dalam proses pemikiran membuktikan sekiranya pelajar dibimbing untuk berfikir mencari makna dalam pembelajaran, mereka mampu meningkatkan kesedaran (Hedberg, 2009), sikap (Sidhu & Kaur, 2010), dan pengetahuan (Lilia, Nor Aishah & T.Subahan, 2010) mengenai organisasi proses pemikiran seterusnya memberi nilai tambah dalam pembinaan kemahiran berfikir.

Kim (2005) melihat reflektif sebagai elemen penting dalam pembelajaran dan pembangunan profesional terutamanya pendidikan guru. Pertama, pemikiran reflektif menggalakkan individu memahami secara mendalam tentang sesuatu perkara melalui penaakulan dan pemerhatian daripada apa yang telah dipelajari. Kedua, refleksi kepada pengalaman boleh mengubah pengalaman lepas yang negatif (ketidakeselesaian, kebimbangan dan kesusahan) kepada pengalaman positif. Ketiga, aktiviti reflektif mampu mengubah persepsi atau nilai terhadap perkara yang berlaku dengan mengaitkan makna pengalaman lepas. Akhirnya, refleksi yang dilakukan pelajar dapat memberi maklumat kepada guru mengenai atribut pelajar berkenaan seperti pemahaman, perasaan, dan nilai yang diletakkan dalam pembelajaran pelajar.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Institusi pengajian merupakan platform untuk melahirkan sumber manusia yang berkemahiran, berpengetahuan, dan beretika dengan moral yang sihat untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan yang memenuhi kualiti piawaian antarabangsa. Cabaran dalam pembangunan pendidikan selari dengan kehendak pasaran dan perubahan ekonomi. Di Malaysia, Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) memainkan peranan penting dalam menyediakan tenaga mahir dan separa mahir membantu pembangunan negara dalam pelbagai sektor. Bidang PTV menjadi satu profesion dengan tuntutan yang tinggi dan mencabar selaras dengan generasi yang lahir dalam nilai dan harapan yang berbeza.

Antara objektif yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah untuk melahirkan guru yang berkelayakan dalam tahap pendidikan rendah dan menengah. Melalui strategi pelan pembangunan tersebut, kerajaan berharap dapat



melahirkan individu yang berketrampilan seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, semua pelajar mempunyai hak dan peluang yang sama untuk membina dan memiliki pengetahuan dan kemahiran sepanjang proses pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Menurut Dewey (1933) pembelajaran merupakan satu proses reflektif apabila pelajar membangunkan persepsi dan pemahaman baru dalam proses kematangan mentalnya. Beliau percaya melalui proses refleksi, individu dibebaskan dari beban tingkah laku impulsif atau rutin. Boyd dan Fales (1983) pula melihat refleksi dalam pembelajaran adalah proses meneroka dan menilai secara mendalam tentang sesuatu isu yang dicetus oleh pengalaman individu. Oleh itu, Strategi bagi membina kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar boleh dicapai melalui amalan reflektif. Ini kerana, di sepanjang proses pembelajaran, pelajar akan mendapat pengalaman dalam kemahiran membuat keputusan, memikul tanggungjawab terhadap idea yang digunakan dan mengaplikasi hasil pembelajaran dalam kehidupan.

Kajian mengenai pemikiran reflektif berkembang dalam pelbagai lapangan penyelidikan. Contohnya kajian oleh Schon (1987) mengenai pemikiran reflektif dalam pembangunan profesional mendapati refleksi melibatkan pertimbangan bermakna yang membolehkan guru mengenali, memahami dan menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, beliau menyifatkan guru sebagai pengamal reflektif iaitu seseorang yang boleh berfikir semasa dalam pengajaran dan boleh bertindak balas kepada setiap situasi unik yang wujud dalam kelas.

Moon (1999a) pula menyatakan pemikiran reflektif digunakan dengan cara yang berbeza dalam bidang pendidikan. Praktikum diperkenalkan untuk mewujudkan pengalaman praktikal yang bertujuan: i) mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan sebenar; ii) mendedahkan pengetahuan terbaru di pasaran; iii) mendedahkan pelajar kepada amalan spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing; iv) mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran; v) melahirkan graduan yang kompeten; vi) mempertingkatkan peluang pekerjaan; dan vii) merapatkan jaringan industri dengan institusi pengajian (Bahagian Pendidikan Guru, 2005).

Latihan perguruan di Malaysia mula menghalu ke arah pengajaran reflektif dalam program pendidikan seawal tahun 1990. Latihan yang diperkenalkan menekankan kecekapan teknikal dalam pengurusan kelas, kebolehan menilai amalan di dalam bilik darjah dan kesedaran tentang kesan etika dan moral dalam pengajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia di Bahagian Pendidikan Guru juga telah menghantar beberapa pensyarah ke Edinburg, Scotland untuk mendalami amalan reflektif. Pada tahun 1995, Institut Pendidikan Sultan Idris membina modul berkenaan pengajaran reflektif dalam pendidikan guru yang menjadi panduan bagi tenaga pengajar untuk menggunakan pendekatan pemikiran reflektif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Setelah pengalaman berasaskan sekolah (praktikum) diperkenalkan dalam kurikulum, amalan pemikiran reflektif mendapat perhatian sewajarnya. Pelajar dalam bidang PTV seperti sains pertanian, sains rumah tangga dan teknologi maklumat berpeluang

memperoleh pengalaman dalam persekitaran pekerjaan yang sebenar seterusnya membina kemahiran berfikir secara reflektif. Justeru, pelajar membina pemahaman yang lebih mendalam mengenai sesuatu isu, membina pembelajaran berterusan dan membina kemahiran menyelesaikan masalah (Eyler, 2002).

Amalan reflektif mengiktiraf pembelajaran dan pengalaman lalu pelajar sebagai asas kepada pembelajaran baru yang akan diterima. Pemikiran ini banyak diaplikasikan dalam pembelajaran aktif seperti model pembelajaran berasaskan pengalaman, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan projek, dan pembelajaran koperatif. Kemahiran ini juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk membentuk pengalaman belajar yang ideal.

Situasi pengajaran dan pembelajaran mengalami perubahan yang pesat sehingga pemikiran reflektif kurang diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran walaupun sentiasa wujud dalam kebanyakan cabang pemikiran yang ingin diterapkan dalam pembelajaran aktif seperti pemikiran kreatif dan kritis, pembelajaran sendiri dan pembelajaran aktif. Menurut Ahmad, Razali, Jamaludin dan Mohd Yusop (2009), antara cabaran dalam pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia adalah membentuk tingkah laku profesional serta mengaplikasikan refleksi dalam pengajaran dan pendidikan guru.

Peluang untuk seseorang individu berkembang pula dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti persekitaran, sokongan guru, gaya pembelajaran, kesedaran dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Namun, setiap pelajar memiliki pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang berbeza dan menerima atau bertindak balas dengan cara berbeza terhadap pembelajaran yang diterima menyebabkan proses kematangan setiap individu berbeza.

Implikasi daripada kajian mengenai tahap pemikiran reflektif adalah signifikan sekiranya faktor keupayaan, pemahaman dan gaya pembelajaran pelajar dianggap sama. Gaya pembelajaran adalah gabungan ciri kognitif, afektif dan faktor fisiologi yang memberi petunjuk yang stabil bagaimana seorang pelajar melihat, berinteraksi dan bergerak balas terhadap persekitaran pembelajaran. Oleh itu, kajian mengenai jenis pendekatan pembelajaran membantu memahami karekter pelajar yang berbeza.

Keupayaan pelajar untuk sedar tentang pengetahuan diri dan strategi yang mampu digunakan boleh membantu meningkatkan keupayaan belajar (Schraw & Dennison, 1994). Refleksi dilihat sebagai amalan yang berkuasa meningkatkan kemahiran berfikir, namun aktiviti tersebut bukanlah berlaku secara spontan dalam proses pembelajaran kerana ia memerlukan dedikasi masa dan usaha (Gelter, 2003). Kajian menunjukkan kesedaran metakognitif mempunyai kaitan dengan tahap pemikiran reflektif. Namun kurang kajian yang dijalankan di dalam negara terutamanya terhadap pelajar dalam bidang PTV.

Penglibatan pelajar dalam pembelajaran juga memberi petunjuk kepada pensyarah tentang perkembangan pemikiran serta keupayaan mereka untuk menyertai perbincangan dalam bidang mereka (Bean & Peterson, 1998). Justeru tanpa penglibatan pelajar, kemahiran refleksi juga tidak dapat dibina kerana penglibatan mencipta pengalaman belajar. Banyak kajian telah dijalankan mengenai pemboleh ubah ini terutamanya dalam pembelajaran aktif. Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji hubungan penglibatan pelajar dalam pembelajaran terhadap tahap pemikiran reflektif kerana pemboleh ubah ini jarang dikaitkan secara bersama-sama sedangkan ia adalah komponen yang tidak dapat dipisahkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Ramai penyelidik berhujah dan menyatakan pemikiran reflektif adalah keupayaan penting atau tingkah laku kognitif yang perlu dibangunkan dalam diri pelajar (Dewey, 1933; Schon, 1983; Kember et al., 2010). Begitu juga pemikiran reflektif penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Kember & Leung, 2000). Manakala proses pembelajaran dipengaruhi oleh pelbagai faktor iaitu pendekatan gaya pembelajaran (Duff, 2004), kesedaran metakognitif (Aydun & Coskun, 2011), penglibatan dalam pembelajaran (Turner & Patric, 2004) dan tahap pemikiran reflektif (Eyler, 2002). Memandangkan fungsi pemikiran reflektif dalam kalangan guru adalah signifikan, penyelidik merasakan penting untuk mengkaji pemikiran reflektif dan hubungannya dengan pemboleh ubah yang mungkin dapat menerangkan pemikiran ini iaitu gaya pembelajaran, kesedaran metakognitif dan penglibatan dalam pembelajaran.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian terhadap pelan pengajaran guru pelatih menunjukkan pelajar masih lemah menghubungkan teori dan amalan pengajaran. Manakala kajian oleh Nor Hasniza, Johari dan Muhammad (1996) menyatakan majoriti guru pelatih menunjukkan tahap refleksi yang lemah dalam proses pengajaran mereka. Ini kerana hanya dua daripada sepuluh orang guru pelatih menunjukkan hasil penulisan refleksi tahap kedua daripada empat tahap kajian.

Menurut (Lilia Halim et al., 2010) kemahiran refleksi guru pelatih sangat minimal sehingga pada satu tahap kemahiran itu tidak wujud. Kajian oleh Gurol (2011) dan Badger (2010) menunjukkan tahap pemikiran reflektif guru pelatih berbeza-beza. Seringkali juga refleksi guru pelatih adalah mengenai bagaimana prestasi mereka sebagai seorang guru dan kelangsungan diri dalam menghadapi bebanan tugas. Ini kerana kebanyakan guru pelatih hanya melaporkan keadaan yang berlaku di dalam kelas tanpa menyatakan bagaimana perkara tersebut terjadi serta tindakan untuk mengatasinya.

Kajian oleh Saemah, Zalizan dan Kamisah (1999) terhadap guru pelatih pula menunjukkan dapatan seperti berikut: i) pemahaman guru pelatih masih minimal dari segi pengetahuan deklaratif (apa), prosedural (cara) dan kondisional (bila), ii) amalan refleksi dalam pengajaran masih di tahap minimum, iii) pendedahan mengenai amalan pemikiran reflektif belum mencukupi, dan iv) terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah pengetahuan, persepsi dan peranan penyelia dengan amalan reflektif guru pelatih.

Penyelidikan mengenai pemikiran reflektif kurang didapati dalam bidang PTV. Kajian lepas mendapati kebanyakan kajian mengenai pemikiran reflektif merupakan kajian berbentuk penyelidikan kualitatif. Contohnya, kajian tindakan oleh Hanipah (2000), dikenal pasti perlu ditambah baik dalam beberapa aspek untuk meningkatkan keberkesanan kajian dalam amalan pemikiran reflektif. Antara aspek tersebut adalah i) prosedur penulisan refleksi yang menjamin refleksi pedagogi dan refleksi kritikal berlaku, ii) instrumen penilaian yang lebih berkesan digunakan, dan iii) penulisan refleksi yang mencakupi aspek hasil pembelajaran yang diperlukan.

Kajian lepas juga banyak berkisar mengenai persepsi guru terhadap amalan, kaedah dan sikap reflektif terhadap pengajaran dan pembelajaran (Tee, 2007). Tambahan pula, pemboleh ubah pendekatan gaya pembelajaran, kesedaran metakognitif dan penglibatan dalam pembelajaran masih belum dikaji secara bersama. Selain itu, adalah perlu untuk mendapatkan data empirikal mengenai tahap pemikiran reflektif pelajar yang seterusnya dapat menambah kekuatan dapatan daripada kaedah kajian yang berbeza sebelum ini.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian adalah untuk mengkaji tahap pemikiran reflektif pelajar dan hubungannya dengan kesedaran metakognitif, penglibatan dan pendekatan gaya pembelajaran pelajar. Objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap kesedaran metakognitif, penglibatan, pendekatan gaya pembelajaran, dan pemikiran reflektif pelajar dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional.
2. Mengetahui hubungan antara kesedaran metakognitif dengan tahap pemikiran reflektif pelajar dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional.
3. Mengetahui hubungan antara penglibatan dalam pembelajaran dengan tahap pemikiran reflektif pelajar dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional.
4. Mengetahui hubungan antara pendekatan gaya pembelajaran dengan tahap pemikiran reflektif pelajar dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional.
5. Menentukan peramal terbaik antara kesedaran metakognitif, penglibatan dan pendekatan gaya pembelajaran terhadap tahap pemikiran reflektif pelajar dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap kesedaran metakognitif pelajar pendidikan teknik dan vokasional mengenai pembelajaran mereka?
2. Apakah tahap penglibatan pembelajaran pelajar dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional?
3. Apakah pendekatan gaya pembelajaran pelajar dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional?
4. Apakah tahap pemikiran reflektif pelajar dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional?

5. Apakah hubungan kesedaran metakognitif pelajar dengan tahap pemikiran reflektif?
6. Apakah hubungan tahap penglibatan dalam pembelajaran pelajar dengan tahap pemikiran reflektif?
7. Apakah hubungan gaya pembelajaran pelajar dengan tahap pemikiran reflektif?
8. Apakah pemboleh ubah peramal terbaik yang mengukur tahap pemikiran reflektif pelajar dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini menyelami fungsi dan peranan pemboleh ubah kesedaran metakognitif, gaya pembelajaran dan penglibatan pembelajaran terhadap tahap pemikiran reflektif pelajar PTV. Oleh itu, pendedahan awal kepada pelajar mengenai pemboleh ubah ini mampu membantu mereka dalam pembinaan pengetahuan dan kemahiran pembelajaran.

Hasil kajian ini boleh digunakan untuk memperkembangkan pengetahuan tentang aspek pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional. Selain itu, kajian ini menggabungkan beberapa pemboleh ubah dan teori yang mengukuhkan lagi kajian mengenai tahap pemikiran reflektif dengan mengemukakan data secara empirikal. Selain itu, kajian ini akan memberi cadangan kepada permasalahan yang melibatkan graduan yang sukar menyesuaikan diri setelah memasuki alam pekerjaan.

Hasil penyelidikan ini dapat menjelaskan tahap pemikiran reflektif pelajar dalam bidang PTV. Oleh yang demikian, kajian ini memberi input kepada pensyarah dalam merangka pengajaran dan program yang sesuai untuk meningkatkan keupayaan pelajar dalam mengaplikasikan amalan pemikiran reflektif.

Akhirnya, dapatan kajian ini dapat membantu penyelidik akan datang merangka intervensi yang sesuai untuk diaplikasikan dalam penyelidikan. Ini kerana terdapat pemboleh ubah yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan terhadap pemikiran reflektif yang perlu dikaji secara ekstensif.

### **1.7 Limitasi Kajian**

Penyelidikan ini adalah terbatas kepada lokasi, sampel, tajuk, dan masa yang ditetapkan. Perkara ini diterangkan seperti berikut:

- i) Generalisasi kajian adalah terhad kepada subjek yang dikaji sahaja. Sampel yang dipilih adalah pelajar pengajian sarjana muda di Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM dan Fakulti Pendidikan, UTM. Oleh itu, dapatan kajian mungkin tidak boleh diguna pakai terhadap kondisi selain daripada kajian.
